

Sikap sosial penutur ancam bahasa pertuturan

DE 15.12.2011 3

Neil Chan

KOTA KINABALU: Ancaman utama kepada bahasa pertuturan adalah sikap sosial penutur bahasa itu sendiri, menurut seorang ahli akademik Amerika yang sedang melawat.

Prof James Thomas Collins dari Northern Illinois University (NIU) menjelaskan tesisnya dalam satu ceramah bertajuk 'Penyelidikan bahasa berdasarkan sejarah, geografi dan komunikasi' di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Rabu.

"Terdapat bahasa yang lups disebabkan penyakit atau peperangan tetapi faktor-faktor ini pada amnya tidak wujud (dalam era moden) dengan itu sikap para penutur itu sendiri yang membuang bahasa itu atau tidak mewariskannya kepada anak-anak mereka menyebabkan pengurangan dalam penggunaannya," kata beliau.

Collins yang juga Pengarah Pusat Pengajian Asia Tenggara di NIU berkata, sikap sosial ini adalah ancaman utama kepada satu-satu bahasa percakapan - sama ada orang memilih untuk menggunakan Inggeris atau lebih suka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa di kawasan mereka.

"Dalam kalangan masyarakat Cina juga kita boleh melihat sekarang ini kecenderungan untuk memberi penekanan kepada Mandarin berbanding dialek Cina seperti Kantonis atau Hakka, jadi ancaman sebenar terletak pada hati penutur itu dan sikapnya terhadap bahasa daerahnya.


"Salah satu langkah yang kita boleh ambil untuk memerangi ancaman bahasa ini adalah dengan mencari jalan untuk meyakinkan penutur satu-satu bahasa natif bahawa bahasa dan budaya asal mereka serta amalan tradisional kawasan mereka mempunyai nilai dan penggunaannya secara berterusan juga mempunyai nilai.

"Itu sahaja yang kita boleh lakukan sebagai 'orang luar', kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan gereja serta badan-badan agama, semuanya perlu memainkan peranan mereka untuk meyakinkan para penutur bahasa anak negeri akan nilai penggunaannya yang berterusan."

Beliau berkata demikian pada bahagian pertama ceramahnya di mana beliau menjelaskan tentang bagaimana faktor sejarah, geografi dan komunikasi memainkan peranan besar dalam pembezaan bahasa dan dialek tempatan walaupun dalam negeri atau daerah dan kawasan yang sama, menggunakan contoh di Malaysia Barat dan Sarawak.

Collins berkata, pada Khamis beliau akan bercakap mengenai bahasa-bahasa Borneo yang kelihatan berada dalam keadaan baik, yang kelihatan tidak begitu baik, bahasa yang seolah-olah dalam keadaan baik tetapi tidak, bahasa yang saling bersaing antara satu sama lain dan juga cara untuk membantu masyarakat penutur bahasa mengekalkan bahasa mereka dan juga mengenai beberapa cara tradisional yang boleh membantu memungkinkan bahasa-bahasa kecil terus bertahan.

Ceramah itu juga menyaksikan 'Surat Hasrat' ditarikh datangnya antara UMS dan NIU untuk kerjasama dalam bidang pendidikan oleh Dekan Sekolah Sains Sosial Profesor Madya Shaharuddin Abdul Rahman bagi pihak UMS dan Collins mewakili NIU.



PROF Collins (kiri) dan Profesor Madya Inon.